

## UMNO Lipis calonkan Datuk Hussein, Dr. Mahathir

KUALA LIPIS, Selasa, (Bernama).— UMNO Bahagian Lipis semalam mencalonkan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, sebagai calon Presiden UMNO Malaysia menjelang perhimpunan agung UMNO akan datang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah dicalon sebagai timbalan presiden.

Tiga orang iaitu Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Undang-Undang dan Pejuang Negara, Datuk Seri Hasmah Abu Samah dan Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam dicalonkan sebagai naib presiden parti.

Mesyuarat perwakilan bahagian itu telah juga meluluskan salah satu usul meminta UMNO Malaysia mempelopori dayausaha bagi menubuhkan sebuah badan dakwah Islam antarabangsa bertujuan mempertingkatkan lagi pengajaran dan penerangan mengenai agama Islam.— Bernama.